

Sinar Harian
17/8/2015
M/S 14

Uniknya Cina Peranakan Kelantan

Nama Melayu, makan budu, pelihara beruk, cara hidup mirip masyarakat Melayu berkain batik dan fasih loghat negeri

■ HABSAB ISMAIL

YANG selalu diceritakan orang adalah mengenai Cina Peranakan dari Melaka yang digelar Baba dan Nyonya. Tidak banyak pendedahan mengenai etnik ini yang ciri-ciri kemelayuan mereka mungkin lebih ketara berbanding Peranakan Melaka. Masakan tidak, jika nama mereka sendiri pun Mek dan Awang yang cukup sinonim sebagai panggilan mesra masyarakat Melayu.

Bahkan ada yang nama Melayu itu tertera dalam kad pengenalan mereka.

"Saya seorang daripada yang guna nama Melayu dalam kad pengenalan," kata Presiden Persatuan Peranakan Cina Kelantan, Law Awang.

Berusia 65 tahun, Awang anak jati Wakaf Stan, Kubang Kerian. Tambah menarik apabila Awang menceritakan dua lagi adik-beradiknya diberikan nama Melayu.

"Kakak sulung ambo, Mek Nga. Sore (seorang) lagi kakak, Mek saja," katanya.



Berbual di serambi. Biasanya pemandangan seperti ini dapat dilihat di rumah orang Melayu di kampung. - FOTO: IQMAL SYAFIQ SYAROZI

Awang mengaku, menggunakan nama Melayu tidak memberi masalah kepada dirinya sebagai orang Cina.

"Ambo bangga sebenarnya. Ini keunike (keunikan) kito sebagai Cino Peranake dari negeri Kelate hok tak dok (tidak ada) di negeri lain," katanya.

Selain elemen Melayu dalam nama etnik Cina Peranakan Kelantan, terdapat juga pengaruh Thailand atau Siam dalam nama mereka.

Bagaimanapun pengenalan 'seh' atau nama keluarga tidak digugurkan. Sebagai contoh, Law Awang, Awang adalah namanya atau nama individu, manakala Law pula adalah nama keluarga atau 'seh'. Ada juga daripada 'seh' atau keturunan lain menggunakan nama Awang sebagai nama individu seperti Gan Awang, dan Chan Awang.

Chan Awang, 66, ketika dikunjungi di rumahnya di Kampung Sering, Kedai Lalat, Kota Bharu, menyambut kehadiran wartawan

Sinar Melayu mengikut adab dan adat orang Melayu tempatan.

"Oh, naiklah ke rumoh ambo ni...rumoh lamo. Moyang ambo buat rumoh ni. Lamo doh... lebih dua ratus (ratus) tahun doh ni," katanya dengan mesra.

Rumah Awang, sama seperti kebanyakan rumah etnik Peranakan Cina dibina mengikut seni bina tradisional Melayu. Bertiang dan dilengkapi serambi.

"Senang sikit kito nok bual. Lelaki berkain pelikat petak ungu itu kemudian memberitahu, rumah tersebut daripada kayu cengal. Sebab itu tahan," katanya.

Bercerita mengenai nama 'Melayunya', Awang berkata, nama itu diberikan oleh mendiang bapanya, Chan Gim Tiong sebulan selepas dia dilahirkan. Selain nama Melayu, Awang juga punya nama Cina, Chan Beng Siong yang diberikan oleh rakannya semasa dia membuat kad pengenalan ketika berusia 12 tahun.

"Ayoh ambo duduk dale (dalam) persekitare (persekitaran) ore Melayu. Jadi, kami terikut dengan adat budaya ore Melayu sapa (sampai) ke namo pun diberi ikut nama Melayu, namo hok mudoh-mudoh...kalu jate (lelaki) ka, Awe, hok tino (perempuan), Mek, gitulah," katanya.

Awang memberitahu, biasa bagi generasi yang seusia dengannya, lepas beberapa lama, kadang kala hingga sebulan selepas lahir barulah didaftar untuk dikeluarkan surat beranak atau sijil kelahiran.

"Daftar denge tok penggawa atau polih (polis)," katanya.

Selain nama Melayu, Cina Peranakan Kelantan turut dipengaruhi elemen Thailand dalam menamakan anak-anak mereka. Isteri Awang bernama Eh Mek. Jika Mek daripada nama Melayu, Eh pula adalah nama Thailand.

Mek, 66, memakai kain batik lepas hari itu, sama seperti kebanyakan makcik-makcik Melayu kampung bersantai pada waktu petang.

Satu lagi keunikan Cina Peranakan Kelantan, jika sekalipun nama mereka Cina tetapi bunyi sebutannya mirip kemelayuan, orang itu langsung akan disapa atau dikenali

dengan nama Melayu. Contohnya, Cheng San dipanggil Che San atau Che Hassan.

Menurut Awang, dia adalah generasi keenam yang mewarisi rumah peninggalan moyangnya.

"Mengikut cerita nenek moyang ambo, ore Cino masuk ke Kelate sejak ratusan tahun mahlah orang dulu pernah berkahwin dengan ore Sie (Siam) tepate (tempatan).

"Keluarga ambo berasal dari Kampung Bekelam, Bachok. Rumah kami di tepi sungai (sungai) dan meme Cino Peranake tinggal di sepanjang Sungai Kelate bermula di Sungai Pine (Pinang, Tumpat) hingga di Gua Muse (Musang) sepanjang Sungai Kelate. Jeme (zaman) dulu, nenek moye (moyang) kami cari make (makan) denge berkebun dan buat kerijo (mengerjakan) sawah, bercucuk tane dan ada juga jadi buruh binae (binaan). Ado jugok hok cari make dari sungai (sungai)," kata Awang.

Mengikut cerita sejarah, generasi awal Cina Peranakan ramai yang bekerja melombong emas di Kulu Kirai atau Kuala Krai di hulu Sungai Kelantan. Kerana itu, Pulai, satu mukim di Gua Musang sampai sekarang jadi penempatan Cina Peranakan Kelantan sejak generasi pertama.



Budu tempayan diperap lebih enam bulan.



Law Awang dan Chan Awang menunjukkan kad pengenalan yang tertera nama 'Melayu' mereka.